

06 NOV 1997

Monaco-Ekonomi

MONACO YAKIN KEPADA EKONOMI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Putera Mahkota Monaco, Putera Albert hari ini melahirkan keyakinan Monaco terhadap ekonomi Malaysia.

"Di sebalik krisis pasaran saham dan kewangan yang dihadapi sekarang, kehadiran kami di Malaysia menunjukkan bahawa kami menaruh keyakinan yang berterusan terhadap Malaysia yang pengalamannya kami ingin mempelajari," kata beliau.

Albert berkata demikian ketika memberi taklimat mengenai Monaco kepada wartawan Malaysia dan ahli perniagaan di sini. Beliau tiba semalam.

Albert berkata kemelut kewangan yang menggoncang kebanyakan negara-negara Asia telah "reda kerana pasaran nampaknya telah stabil.

Beliau telah mengadakan runidngan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini sebelum menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar.

Albert kagum dengan keharmonian kaum dan agama yang wujud di Malaysia walaupun penduduknya terdiri daripada masyarakat majmuk.

Beliau juga kagum terhadap kemajuan pesat Malaysia sambil berkata dengan pendapatan per kapitanya sebanyak AS\$4,500, Malaysia muncul sebagai antara negara yang paling disegani di Asia dalam konteks kemajuan ekonomi.

Beliau menunjukkan minat kepada projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dan berkata syarikat-syarikat teknologi maklumat Monaco ingin untuk menyertai MSC.

Tumpuan dan minat yang ditunjukkan oleh Monaco kepada Malaysia terbayang dalam keputusan wilayah itu untuk memulakan lawatan diraja ke Asia Tenggara bermula dengan lawatan ke Kuala Lumpur, kata beliau.

Albert berkata keteguhan ekonomi Malaysia ialah hasil pandangan jauh dan wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, Pengarah Lembaga Pelancongan Monaco, Daro Dell-Antona mempelawa pihak berkuasa pelancongan dan syarikat-syarikat Malaysia datang ke wilayah itu untuk mempelajari pengalamannya.

"Kami ingin bertukar-tukar pengalaman dengan rakan sejawatan kami dari Malaysia kerana ini akan memanfaatkan antara satu sama lain," kata beliau.

Joseph Alain Sauzer yang mengetuai Persatuan bank-bank Monaco menarik perhatian bahawa Malaysia mempunyai kadar inflasi yang rendah dan menawarkan aktiviti dalam sektor hartanah dan binaan.

Wilayah (kerajaan yang diketuai oleh seorang putera) Monaco ialah sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka. Ia terletak di pantai Mediterranean, ke selatan Perancis dan berdekatan Itali.

Ia mempunyai keluasan satu batu persegi dengan jumlah penduduk 30,000 orang.

Monaco merupakan destinasi pelancongan yang menarik dan terkenal dengan Grand Prix Monaco, kasino Monte Carlo, hotel dan tarikan lain. -- BERNAMA

MHI FAZ